

13/07/2004

Farhah, Farhana `kemaruk' melukis

By Nor Affizar Ibrahim

JIKA si kakak, Farhah Mohd Fadzli, 8, bercita-cita tinggi untuk menjadi doktor kerana ingin menolong orang yang sakit., si adik, Farhana Mohd Fadzli, 7, pula menaruh harapan menjadi `cikgu universiti' (profesor) bagi mengikut jejak arwah bapa saudaranya.

Lebih menarik, Farhah juga menyimpan hasrat menjadi menteri. Apabila ditanya, siapakah nama menteri yang diketahuinya, lalu dengan pantas pelajar Tahun Dua, Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju Zon R10 itu menjawab; Dr Mahathir (Tun Dr Mahathir Mohamed), Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Rafidah (Datuk Seri Rafidah Aziz).

"Mula-mula jadi doktor, lepas itu baru jadi menteri macam Dr Mahathir. Saya tidak takut cakap di depan orang ramai," kata Farhah, petah dan yakin.

Sementara itu, Farhana yang masih belajar di Tahun Satu di sekolah sama, walaupun ditanya berulang kali tetap tidak berubah pendirian malah, menyatakan hasrat akan belajar sehingga pandai untuk memenuhi cita-cita menjadi, `cikgu universiti'.

Begitulah tingginya cita-cita kedua-dua beradik berkenaan. Tetapi tidak mustahil bagi mereka mencapai impian itu kerana pada usia yang masih mentah seperti itu, mereka sudah pun didedahkan dengan pelbagai perkara termasuk pendedahan pembelajaran interaktif menggunakan komputer, pembelajaran Mental Arithmetic, bersukan, belajar agama, mendeklamasikan sajak di khalayak.

"Saya suka pergi sekolah sebab boleh belajar. Saya suka kelas Sains dan Matematik. Kalau belajar subjek Sains, saya suka tengok gambar binatang dan belajar tanam pokok. Balik rumah, saya boleh cuba tanam pokok seperti mana cikgu ajar di sekolah," kata Farhana riang mengenai pembelajaran di sekolah.

Tetapi berbeza dengan Farhana, subjek yang paling disukainya ialah Pendidikan Jasmani (PJ) di samping, Bahasa Melayu dan Matematik.

"PJ seronok, boleh main. Jika ada PJ di sekolah, saya boleh berlari dan main kejar-kejar dengan kawan," katanya sambil tersipu-sipu malu.

Farhah dan Farhana, juga berbakat dalam melukis. Ini dibuktikan melalui hasil karya mereka. Kedua-dua beradik ini belajar melukis ketika berusia lima dan empat tahun lagi.

Kata Farhah, dia gemar melukis gambar bunga dan serangga kecil yang boleh terbang seperti tebuhan dan rama-rama, manakala Farhana lebih senang memilih untuk melukis gambar hidupan di laut.

"Saya suka lukis Nemo macam ikan dalam filem itu. Tetapi Super Hero saya ialah Batman dan Spiderman," kata Farhana.

Farhah turut tidak mahu ketinggalan menceritakan watak yang diminatinya. Katanya, dia menyukai Batman, selain itu juga suka menonton cerita kartun seperti Kim Possible dan Totally Spice.

Ibu mereka, Badariyah Bahari, 35, yang bekerja sendiri sebagai Perunding Perancang Kewangan berkata, pendedahan seumpama itu adalah proses pembelajaran secara tidak langsung sekali gus, membantu memupuk minat serta bakat yang ada.

Kata Badariyah, begitu juga suaminya Mohd Fadli Hamidun, 35, yang bekerja sebagai jurutera juga menggalakkan anak melakukan apa saja kegiatan digemari dan tidak hanya menumpukan pada bidang akademik saja. Boleh dikatakan, hampir setiap minggu ada saja kegiatan yang dilakukan bersama sekeluarga.

Badariyah berkata, sebagai ibu beliau memang memastikan kedua anak mereka sentiasa diberi bimbingan dan galakan, sama ada dalam pelajaran mahupun perkara lain yang diminati. Bagi memastikan dunia pengetahuan anak berkembang, beliau juga rajin membeli bahan bacaan untuk mereka.

Farhah dan Farhana kini boleh membaca buku siri Enid Blyton dan Harry Potter. Jika ada perkataan yang tidak faham, anak mereka akan bertanya kepadanya mahupun suami ataupun merujuk kamus.

Katanya, apa pun mereka tidak pernah memaksa Farhah dan Farhana untuk melakukan semua itu tetapi disebabkan aktiviti berkenaan sudah menjadi kebiasaan serta menyeronokkan, mereka senang hati melakukannya.

(END)